

NO. SOALAN: 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN [RANAU]

RUJUKAN : 8802

SOALAN:

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan hasil daripada dapatan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai dengan pendatang asing tanpa izin di negeri Sabah :-

(a) berapakah kali jawatankuasa tetap dan jawatankuasa teknikal pengurusan warga asing di negeri Sabah telah bermesyuarat dan hasilnya; dan

(b) sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk menerima syor agar kad pengenalan lama ditarik balik dan diganti dengan pengenalan baru.

JAWAPAN:

- a) **Sepertimana yang dimaklumi, pada 3 Disember 2014, Kerajaan telah mengumumkan hasil dapatan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah. Susulan daripada itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang mempunyai dua (2) tier iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah yang dipengerusikan bersama oleh YAB Ketua Menteri Sabah dan YAB Menteri Dalam Negeri serta Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah yang dipengerusikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah. Kedua-dua Jawatankuasa tersebut masing-masing telah bersidang sebanyak dua (2) kali pada tahun 2015 dan ini tidak termasuk bengkel atau mesyuarat bersifat *ad-hoc* yang dilaksanakan daripada semasa ke semasa untuk membincangkan isu tertentu. Dalam tempoh tersebut, JKPWAS antaranya telah memberikan perhatian terhadap usaha-usaha penguatkuasaan dan kesungguhan Kerajaan untuk mengatasi isu pendatang asing tanpa izin (PATI) ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang tinggi pada tahun 2015 iaitu sebanyak 27,769 orang yang merupakan angka tertinggi semenjak tahunan 1990. Dalam hal ini, jumlah pengusiran daripada tahun 1990 sehingga 2015 adalah sebanyak 529,941 orang.**

Selain daripada itu, bagi membezakan kanak-kanak Bukan Warganegara Malaysia dan Warganegara Malaysia di negeri Sabah, Kerajaan juga telah memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara yang mula dikuatkuasakan mulai 15 September 2015. Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada Warganegara sahaja. JKPWAS juga sedang melihat dengan lebih terperinci isu-isu dokumen pengenalan diri di negeri Sabah dan sedang memulakan usaha libat urus (*engagement*) dengan Kerajaan Republik Filipina.

- b) Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Kerajaan mengambil maklum bahawa cadangan untuk menarik balik kad pengenalan sepertimana yang dikemukakan oleh beberapa pemimpin di Sabah perlulah ditangani secara berhemah kerana adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan juga untuk memastikan bahawa apa jua pelaksanaan cadangan tidak akan menggugat keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah. Pandangan ini juga mengambil kira ulasan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah yang menyebut bahawa cadangan seumpamanya yang pernah dikemukakan oleh beberapa orang saksi sebelum ini tidak meneliti akibat-akibat dari segi perundangan dan perlembagaan yang mungkin timbul

daripada cadangan berkenaan. Laporan tersebut turut menyentuh bahawa terdapat risiko di mana selain kerumitan dari segi perundangan, kerajaan dan agensi lain yang berkaitan juga akan dihujani dengan tindakan undang-undang yang tidak tertanding. Suruhanjaya Siasatan juga ada mengetengahkan pandangan bahawa terdapat dalam kalangan saksi-saksi yang memberikan cadangan seumpamanya tidak dapat menyediakan butir-butir terperinci bagi mekanisma pelaksanaan cadangan tersebut.

Walau bagaimanapun, selaras dengan tanggungjawab yang telah diberikan kepada JKPWAS, maka Kerajaan terbuka untuk menerima cadangan-cadangan baru untuk menyelesaikan isu warga asing termasuklah masalah banjir pendatang asing tanpa izin di Sabah dan ia bolehlah dikemukakan untuk penelitian yang selanjutnya melalui Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah yang dipengerusikan Timbalan Ketua Menteri Sabah, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan.